




BULAN MAC- BULAN PENGGUNA
KEBANGSAAN

8 HAK ANDA SEBAGAI PENGGUNA





APAKAH 8 HAK ANDA
SEBAGAI PENGGUNA?



[HTTPS://WWW.FACEBOOK.COM/PTARKEJ/](https://www.facebook.com/PTARKEJ/)



[HTTPS://WWW.INSTAGRAM.COM/PTAR.KEJURUTERAAN](https://www.instagram.com/PTAR.KEJURUTERAAN)



[HTTPS://TWITTER.COM/PKEJUITM](https://twitter.com/PKEJUITM)



[HTTPS://T.ME/PTARKEJURUTERAAN](https://t.me/PTARKEJURUTERAAN)

Hak untuk mendapat KEPERLUAN ASAS

MAKANAN

Pengguna berhak untuk mendapat bekalan makanan yang berterusan.

Pengguna berhak mendapat makanan dengan harga yang berpatutan, berkualiti dan berkhasiat.

Timbangan serta sukatan hendaklah bertepatan.

Pengguna berhak untuk mendapat info mengenai makanan yang dibeli serta status halal yang diluluskan oleh JAKIM

TEMPAT TINGGAL

Pengguna berhak untuk mendapat tempat tinggal yang selamat.

Antara undang-undang yang melindungi pengguna ialah seperti

1. Akta Pemaju Perumahan 1966
2. Akta Kontrak 1950

PAKAIAN

Pakaian yang berkualiti.

Info pada label pakaian yang jelas bagi penjagaan pakaian yang betul.



UBAT-UBATAN

Pastikan pengguna mendapat nasihat daripada Doktor atau Pegawai Kesihatan terlebih dahulu sebelum mengambil mana-mana ubat.

Pastikan bilangan serta dosage yang diambil adalah tepat untuk mengelakkan kesan sampingan.

Antara undang-undang yang melindungi pengguna adalah seperti:

1. Akta Ubat 1956
2. Akta Pendaftaran Farmasi 1951

RACUN SERANGGA/BAHAN KIMIA

Pilihlah makanan (sayur-sayuran atau buah-buahan) yang menggunakan bahan organik .

Baca label cara penggunaan terlebih dahulu sebelum menggunakan racun serangga ataupun bahan kimia.

ALATAN ELEKTRONIK

Pilih alatan elektronik yang mempunyai kelulusan SIRIM.

Pilih alatan elektronik yang mudah dikendalikan serta menjimatkan tenaga.

Pastikan mendapat 'warannty' bagi peralatan elektronik yang dibeli.

Pengguna yang bijak akan memilih alatan elektronik yang mesra alam!.

Di Malaysia, undang-undang yang melindungi keselamatan pengguna ialah;

- a) Akta Makanan 1983
- b) Peraturan-peraturan Makanan 1985
- c) Akta ELEktrik 1949 (Pindaan 1973)
- d) Akta Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia 1975 (SIRIM)

Hak untuk mendapat KESELAMATAN



Hak untuk mendapat MAKLUMAT



Pengguna berhak mendapat maklumat yang lengkap dan tepat tentang barang atau perkhidmatan yang hendak dibeli.
Setiap pengguna berhak mendapat maklumat tentang perkara-perkara berikut:

Harga barangan yang berpatutan
Mutu barangan yang terjamin
Berat dan sukatan barangan tepat.
Isi kandungan barangan
Cara menggunakan barangan

- Hak mendapat maklumat melindungi pengguna daripada penipuan akibat amalan-amalan perniagaan yang tidak beretika. Sila rujuk RUKUN NIAGA.
- Hak mendapat maklumat yang tepat dan sesuai adalah penting untuk membolehkan pengguna membuat keputusan yang wajar dan bijak semasa membeli.
- Pengguna boleh mendapatkan maklumat daripada LABEL & IKLAN

LABEL

Pengguna bijak mestilah melihat pada label untuk mendapatkan maklumat seperti:

- *Tarikh luput.
- *Kandungan barangan.
- *Maklumat nutrisi.
- *Berat kandungan.
- *Logo halal yang sah.

Label yang baik mestilah:

- >Mengandungi maklumat yang tepat
- >Mudah difahami
- >Tidak mengelirukan
- >Maklumat yang disahkan

PENGIKLANAN

Pengguna jangan mudah terpengaruh dengan peniklanan yang:

- ^Mengelirukan
- ^Gimik promosi



Hak untuk membuat PILIHAN



Sebelum membeli, pengguna berhak memilih barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga.

Pengguna perlu memastikan perkara-perkara berikut.

Harga barang itu berpatutan

Barang dalam keadaan baik

Barang selamat digunakan

Barang menepati contoh yang diberi atau diiklankan

Hak untuk memilih adalah penting supaya pengguna tidak terburu-buru dalam membuat keputusan membeli.

Penjual tidak berhak memaksa dan membuat keputusan bagi pihak pengguna.

Belilah barangan buatan Malaysia!



Hak untuk mendapat GANTI RUGI



Pengguna berhak mendapat ganti rugi bagi sebarang penyelewengan atas barangan atau perkhidmatan yang dibeli. Pengguna boleh menuntut ganti rugi dalam bentuk wang atau penggantian barang yang dikembalikan.

Sebagai contoh, sekiranya anda membeli makanan dalam tin (contoh ikan sardin) dan mendapat tarikh guna barang itu telah luput. Anda boleh mendapatkan ganti rugi melalui penggantian tin yang baru atau wang dikembalikan kepada anda.

Pengguna berhak mendapatkan ganti rugi atas sebab-sebab berikut:

- >barangan yang dibeli tidak berada dalam keadaan baik (cth; tin kemik)
- >barangan yang dibeli mengandungi bahan asing yang boleh membahayakan kesihatan
- >mutu barangan tidak seperti yang dijanjikan atau diiklankan
- >barang yang dibeli memudaratkan kepada pengguna

Pengguna juga berhak mendapat pampasan jika pengguna ditimpa kemalangan ketika berada di kedai peniaga akibat kecuaiannya peniaga



Hak untuk menyuarakan PENDAPAT



Pengguna berhak menyuarakan pendapat mereka sebagai pengguna melalui badan atau pergerakan pengguna.

Melalui pergerakan pengguna, segala aduan dan rasa tidak puas hati pengguna dapat disalurkan kepada pihak yang bertanggungjawab. Dengan cara ini, hak dan kepentingan pengguna dapat dijamin secara berkesan.

Rancangan 3K - Kuasa Komuniti Konsumer di Bernama Radio 24 mulai 3hb April 2009 jam 3:15 hingga 4:00 petang.

Gunakanlah ruangan ini untuk mengutarakan aduan and pandangan anda demi kebaikan semua pengguna.



[HTTPS://WWW.FACEBOOK.COM/PTARKEJ/](https://www.facebook.com/PTARKEJ/)



[HTTPS://WWW.INSTAGRAM.COM/PTAR.KEJURUTERAAN](https://www.instagram.com/PTAR.KEJURUTERAAN)



[HTTPS://TWITTER.COM/PKEJUTM](https://twitter.com/PKEJUTM)



[HTTPS://T.ME/PTARKEJURUTERAAN](https://t.me/PTARKEJURUTERAAN)

Hak mendapat PENDIDIKAN
KEPENGUNAAN
'Meluntur buluh biarlah dari
rebungnyā'

Pengguna berhak mendapat pendidikan kepenggunaan supaya menjadi seorang pengguna yang bijak dan rasional.

Pengetahuan mengenai hak-hak dan tanggungjawab pengguna boleh mengelakkan pengguna daripada ditipu oleh peniaga yang tidak beretika.

Pengguna boleh mendapatkan pendidikan kepenggunaan melalui beberapa cara iaitu;

1. melalui pendidikan formal di sekolah/Institut Pengajian Tinggi dan juga pendidikan informal melalui teladan oleh ibu bapa ataupun masyarakat sekeliling.
2. melalui risalah dan akhbar yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna seperti CAP dan FOMCA
3. melalui bengkel, seminar dan ceramah yang berkaitan dengan kepenggunaan
4. melalui media massa seperti laman sesawang dan juga laman blog berkenaan kepenggunaan.

Kelab-kelab Pengguna juga telah diwujudkan di peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat Institut Pengajian Tinggi untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang pendidikan kepenggunaan



HAK UNTUK MENDAPAT ALAM SEKITAR YANG SIHAT

apa yang anda boleh lakukan?

- Kitar Semula.
- Tanam pokok di halaman rumah.
- Guna kenderaan awam.
- Kurangkan penggunaan alatan elektrik yang melepaskan CFC.
- Pilihlah produk yang mesra alam dan tidak mencemarkan alam.
- Kurangkan penggunaan beg plastik. Gunakan beg kitar semula!
- Jimatkan penggunaan kertas, untuk urusan berkaitan gunalah aplikasi elektronik yang mengurangkan penggunaan kertas.

